

Kita lakukan segalanya untuk merancang legasi anda

PRUWealth Max

Menjamin masa depan generasi anda yang akan datang

Insurans Berkaitan Pelaburan



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.





PRUWealth Max

Legasi anda, warisan untuk mereka

Pernahkah anda berfikir tentang legasi yang akan anda tinggalkan untuk orang tersayang anda? Bagaimanakah anda boleh memastikan bahawa hasil titik peluh anda akan menjadi warisan bagi orang tersayang anda? Dengan perancangan legasi! Perancangan legasi adalah pengagihan warisan yang telah anda bina kepada orang tersayang anda.

Dengan **PRU**Wealth Max, polisi anda mungkin terlindung daripada kreditor¹ dan tuntutan akan diedarkan dalam masa secepat 14 hari² kepada orang tersayang anda sebagai bantuan kewangan. Kini anda boleh meninggalkan kekayaan anda sebagai legasi untuk orang tersayang anda, sambil menikmati ketenangan fikiran tanpa perlu risau tentang semakan semula kadar caj insurans.

Ciri-ciri Utama **PRU**Wealth Max

PRUWealth Max adalah pelan insurans berkaitan pelaburan yang menawarkan:

1. **Kadar caj insurans terjamin untuk Manfaat-manfaat Asas dan Rider(-rider).**
2. **Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA) yang tinggi bermula daripada **RM500,000** memberikan perlindungan insurans untuk kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD).**

3. Sehingga 4X perlindungan kematian untuk kejadian Kematian Akibat Kemalangan (AD)³.



Membayar 1X amaun perlindungan kematian apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)



Membayar 2X amaun perlindungan kematian jika berlaku kematian akibat kemalangan



Membayar 3X amaun perlindungan kematian jika berlaku kematian akibat kemalangan semasa dalam perjalanan menggunakan sebarang kenderaan awam, gerabak lif atau akibat kebakaran semasa berada di dalam bangunan awam



Membayar 4X amaun perlindungan kematian jika berlaku kematian akibat kemalangan yang berlaku di luar Malaysia

- *Perlindungan kematian adalah Jumlah Diinsuranskan Asas atau jumlah nilai tunai Akaun Unit Asas (BUA), yang mana lebih tinggi.*
- *Semua baki nilai tunai dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada) juga akan dibayar apabila berlaku kematian.*
- *Manfaat AD dan TPD akan dibayar apabila Hayat Yang Diinsuranskan mengalami AD atau TPD sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun atau tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.*

4. 14 jenis Penyakit Berjangkit yang dilindungi.

Satu amaun tetap sebanyak RM5,000 akan dibayar untuk setiap diagnosis penyakit berjangkit dalam Kategori A dan RM10,000 untuk setiap kemasukan ke hospital akibat penyakit berjangkit dalam Kategori B semasa peristiwa penyakit berjangkit berlaku sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun pada atau tarikh tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal. Setiap penyakit berjangkit dalam Kategori A dan B hanya akan dibayar sekali sahaja.

Kategori A	Kategori B
<ul style="list-style-type: none">• Campak• Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut• Demam Chikungunya• Demam Kepialu• Rabies	<ul style="list-style-type: none">• Virus Zika• MERS-CoV• Ebola• SARS• Influenza A - Influenza Burung A(H7N9) & A(H5N1)• Ensefalitis Virus Nipah• Ensefalitis Jepun• Penyakit Creutzfeldt-Jakob• Malaria

5. Ganjaran Kesetiaan.

Nikmati ganjaran kesetiaan sepanjang tempoh perlindungan dengan kami. Bonus Kesetiaan sebanyak RM100 untuk setiap RM100,000 BSA akan dibayar ke dalam IUA setiap 2 tahun selepas melengkap 9 tahun polisi. Di samping itu, Booster Kesetiaan sebanyak RM8,000 untuk setiap RM100,000 BSA akan dibayar ke dalam IUA sekali sahaja sebelum Ulang Tahun Polisi untuk umur Hayat Yang Diinsuranskan.

Umur Kemasukan	Umur Pembayaran Booster Kesetiaan
1 – 50	70
51 – 65	80
66 – 70	90

Polisi mesti kekal berkuatkuasa semasa bonus dikreditkan.

6. Umur kemasukan seawal **30 hari** selepas kelahiran.
 7. Opsyen untuk melanjutkan tempoh perlindungan sehingga umur **100⁴**.
 8. Tempoh pembayaran premium yang fleksibel, iaitu **5, 10, atau 20 tahun** mengikut kemampuan anda.
 9. Rider-rider untuk manfaat kematian tambahan, penyakit kritikal dan payor untuk menguatkan perlindungan anda.
-



Apakah rider-rider opsyenal yang sedia ada?

Rider Manfaat Kematian Tambahan

PRUWealth Max melanjutkan perancangan legasi anda dengan menawarkan Rider Level SA 2.0, yang bertujuan untuk memberikan anda perlindungan kematian yang lebih tinggi pada premium yang lebih berpatutan, untuk memenuhi keperluan yang berbeza, serta meninggalkan legasi yang munasabah dan bermakna untuk orang tersayang anda.

Rider Level SA 2.0 menyediakan perlindungan tambahan untuk kematian bagi satu tempoh yang tetap di mana manfaat yang dibayar boleh digunakan untuk melangsaikan liabiliti anda, i.e pinjaman perumahan, pinjaman kereta, pinjaman perniagaan atau yuran pendidikan anak anda.

Rider Penyakit Kritikal

Tenangkan minda dan tumpukan perhatian ke atas pemulihan anda dengan rider Crisis Guard 2.0 yang menawarkan bayaran manfaat yang mengurangkan apabila didiagnosis menghadapi mana-mana satu daripada 43 Penyakit Kritikal yang dilindungi.

Rider Payor

Bimbang tentang polisi anda apabila peristiwa malang berlaku? Rider Payor kami akan membayar untuk polisi anda sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD⁵ atau Penyakit Kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga yang dilindungi. Ini boleh dilaksanakan dengan rider Payor 2.0, Parent Payor 2.0 dan Spouse Payor 2.0 kami.

Jika tuntutan dibuat atas lebih daripada satu Rider Payor, bukan sahaja premium polisi akan ditanggung oleh kami, malah amaun yang bersamaan dengan jumlah diinsuranskan rider yang dibeli akan diperuntukkan secara 100% ke dalam nilai tunai polisi, membolehkan lebih banyak nilai tunai dikumpul dalam polisi.

Rider Pelaburan

Melabur secara tetap dengan rider **PRUSaver** atau **PRUSaver Kid** dalam mana-mana 13 jenis dana berkaitan pelaburan untuk pelangan yang berpotensi lebih tinggi.

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Produk dan Dokumen Polisi untuk senarai penuh manfaat, pengecualian, tempoh menunggu serta terma-terma dan syarat-syarat yang lain.

Apakah kadar caj insurans terjamin?

Kadar caj insurans untuk pelan ini adalah terjamin tanpa semakan sepanjang tempoh polisi dan mungkin lebih tinggi atas jaminan yang diberikan berbanding dengan pelan(-pelan) seumpama yang mempunyai kadar caj insurans tidak terjamin. Oleh itu, premium yang perlu dibayar mungkin lebih tinggi berbanding dengan pelan(-pelan) seumpama yang mempunyai kadar caj insurans tidak terjamin, yang mungkin ditawarkan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") dari semasa ke semasa. Sila rujuk kepada Ejen atau Perancang Kewangan anda untuk pelan seumpama lain yang ditawarkan oleh PAMB. Sila ambil perhatian bahawa pelan insurans berkaitan pelaburan adalah bergantung kepada prestasi dana(-dana) pelaburan yang anda pilih, oleh demikian, kemampuan polisi ini adalah tidak terjamin, dan tertakluk kepada ketersediaan nilai dana yang mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj-caj lain, yuran-yuran dan cukai-cukai (jika ada).



Sebagai alternatif, kami juga menawarkan pelan seumpama yang mempunyai kadar caj insurans tidak terjamin bagi Manfaat-manfaat Asas dan Rider(-rider). Bagi kadar caj insurans tidak terjamin, kami boleh menyemak semula caj insurans dengan memberi notis selama 3 bulan. Premium tambahan mungkin diperlukan pada masa penyemakan semula kadar tersebut sekiranya kami meramalkan sebarang risiko polisi tidak mampan.

¹ *Perlindungan daripada kreditor bermakna kreditor tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan secara langsung atas wang-wang yang akan dibayar atas kematian untuk melangsaikan hutang. Ini hanya diguna pakai bagi polisi anda sekiranya anda ialah warga bukan Islam yang menginsuranskan hayat anda, dan menamakan pasangan anda, anak-anak atau ibu bapa (jika tiada pasangan atau anak pada masa penamaan) sebagai penama. Penama-penama ini akan menerima wang-wang sebagai benefisiari. Bagi warga Islam, wang-wang polisi akan diagihkan mengikut Undang-Undang Islam.*

² *Berdasarkan tempoh proses tuntutan yang ditetapkan dengan keperluan lengkap yang dikemukakan.*

³ *Tertakluk kepada terma dan syarat. Bayaran maksimum untuk perlindungan AD adalah terhad pada RM2 juta bagi tuntutan AD sebelum umur 19 tahun.*

⁴ *Pelan ini datang dengan opsyen untuk melanjutkan tempoh pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 atau tempoh perlindungan maksimum rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda menarik balik persetujuan berkenaan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.*

⁵ *Perlindungan TPD hanya terpakai sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 akan datang bagi nyawa berkenaan yang diinsuranskan, atau tarikh tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.*

Untuk maklumat lanjut, anda boleh kunjungi www.prudential.com.my atau hubungi Perancang Kewangan Prudential yang mesra. Kami sentiasa bersedia membantu anda.

Nota Penting & Penafian

- **PRU**Wealth Plus adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U) yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Anda hendaklah memuaskan diri anda bahawa produk ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang harus dibayar di bawah polisi ini adalah amaun yang anda mampu bayar. Untuk berbuat demikian, kami mengesyorkan anda berbincang dengan Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi syarikat insurans secara terus untuk maklumat lanjut.
- Kadar caj insurans adalah terjamin. Namun, yuran-yuran dan caj-caj lain adalah tidak terjamin dan kami memiliki hak untuk menyemak semula yuran-yuran dan caj-caj dari semasa ke semasa.
- Jika polisi anda ditamatkan awal, anda mungkin akan memperolehi amaun yang lebih kurang daripada premium yang anda telah bayar.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Produk dan buket pendidikan pengguna mengenai Insurance Hayat, Insurans Berkaitan Pelaburan, dan Insurans Perubatan dan Kesihatan untuk maklumat lanjut sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting polisi.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj – caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- **PRU**Wealth Max dan rider-riderinya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Kadar caj insurans untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web korporat PAMB.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang ketidakselarasan, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diguna pakai dan diberi kesan.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.

Prudential Assurance Malaysia Berhad Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

06/2020